

## LEBIH 10,000 PENGGIAT PELANCONGAN DIJANGKA SERTAI MIT PAHANG

**KUANTAN, 16 APRIL 2024** : Lebih 10,000 penggiat pelancongan termasuklah '*premium buyers*', '*registered buyers*', '*sellers*' pengusaha pelancongan dari rantau Asia Tenggara dan pelawat industri pelancongan (*Travel Trade Visitors*) dijangka menyertai '*Malaysia International Tourism Expo 2024*, Pahang (MIT Pahang) yang dijadualkan pada 8 hingga 10 Oktober depan di Sultan Ahmad Shah *International Convention Centre*, Kuantan.

Exco Perpaduan, Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Pahang, YB. Cik Leong Yu Man berkata, MIT Pahang merupakan inisiatif Kerajaan Pahang bagi membangunkan sektor pelancongan dan kebudayaan Negeri Pahang memandangkan ianya merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi di negeri ini.

Justeru, penganjuran MIT Pahang dapat menaikkan nama Pahang khususnya Kuantan sebagai hub pertemuan pemain industri pelancongan.

"Bukan sahaja tempat pelancongan di Pahang, tetapi kita hendak menaikkan potensi negeri atau Kuantan sebagai tempat pertemuan seperti kita dulu (sebelum ini), kita selalu menghadiri expo pelancongan di luar negara dan bertemu dengan pemain industri dari negara atau negeri lain.

"Dan (untuk kali ini) kita di Pahang dan (khususnya) di Kuantan menjadi satu hub baharu untuk pertemuan bagi pemain industri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Sidang Media Sempena '*Malaysia International Tourism Expo 2024*, Pahang' (MIT Pahang) yang diadakan di Pejabat *Tourism* Pahang.

Hadir sama ialah Pengurus Besar *Tourism* Pahang, YBrs Tuan Kamaruddin Ibrahim, Pengerusi MIT Pahang, YBrs Encik Uzaidi Udanis dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Hospitaliti 360, YH. Dato' Sri Omar Naresh Mohan.

YB. Leong berkata, program tiga hari itu bertujuan menyediakan *platform 'business to business'* (B2B) kepada pemain pelancongan Asia Tenggara dan seluruh dunia untuk berhubung dan memupuk kerjasama selain mengadakan seminar dan bengkel kepada pemain industri untuk berkongsi pandangan dan pengetahuan.

"Program ini juga dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi mendapatkan sumber dan transaksi perniagaan di kalangan peserta pameran dan pembeli.

"Selain dapat menggalakkan kemampanan; menyokong amalan pelancongan yang bertanggungjawab yang mengutamakan pemuliharaan alam sekitar, pemeliharaan budaya dan kesejahteraan penduduk tempatan, memastikan daya maju jangka panjang pembangunan pelancongan di rantau ini," katanya.

Pelbagai pengisian turut disediakan antaranya pameran pelancongan melibatkan penyertaan seluruh negeri dan negara Asia Tenggara, seminar pelancongan bagi membincangkan isu pelancongan dari pakar industri pelancongan, sesi B2B yang dapat memudahkan rangkaian dan interaksi perniagaan di kalangan penjual dan pembeli industri pelancongan dan pertunjukan persembahan kebudayaan.

Kerajaan menjangkakan akan mendapat penyertaan daripada pemain industri pelancongan dari seluruh negara dan antarabangsa termasuklah Singapura, Indonesia, Thailand dan negara lain di Asia Tenggara.

Kepada pemain pelancongan yang berminat untuk menyertai MIT Pahang, boleh mendapatkan maklumat lanjut di <https://mit-pahang.com> atau emel ke [mitpahang@gmail.com](mailto:mitpahang@gmail.com) atau boleh juga menghubungi talian 09-5681624. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi Strategik (UKS)**

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**Oleh : Fansurina Abdullah**

**(LIPUTAN BERGAMBAR)**

